

# 500 peserta sertai Ekspedisi Berbasikal Varsity 2.0



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Yang Mulia Dr. Haji Azman bin Ahmad** semasa melepaskan peserta Varsity Cycle 2.0 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun bertempat di perkarangan UTB, Tungku (kanan) manakala gambar kiri, para peserta yang menyertai acara tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Hamzah Mohidin

**TUNGKU LINK**, Ahad, 20 Ogos. - Ekspedisi Berbasikal Varsity 2.0 bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun meliputi laluan sejauh 71 kilometer diadakan bermula di perkarangan

Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan berakhir di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Ekspedisi berbasikal amal bagi Yayasan Kanak-Kanak Kanser (YASKA) itu merupakan anjuran bersama UTB, UBD, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan

Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Hadir menyertai ekspedisi tersebut ialah Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adnan bin Haji Basar.

Turut menyertai, pegawai-

pegawai kanan, pensyarah-pensyarah, kakitangan serta mahasiswa dan mahasiwi universiti-universiti berkenaan juga orang awam.

Upacara pelepasan para peserta disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Para peserta berbasikal sejauh 71 kilometer melalui Lebuhraya Muara - Tutong menuju ke The Empire Hotel & Country Club,

Tungku Link dan Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah sebelum ke Bandar Seri Begawan bagi membuat perhentian pertama di Jabatan Perdana Menteri, dihoskan oleh UNISSA.

Para peserta kemudian menuju ke perhentian kedua di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lambak Kiri yang dihoskan oleh KUPU SB sebelum menamatkan ekspedisi berbasikal di Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), UBD.

# Tabuan 'B' kecewakan Besa FC, 3 - 1

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**AKSI** menarik di antara TABUAN 'B' (jersi merah) melawan BESA FC (jersi ungu) bagi Liga Remaja Bawah 16 Tahun Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 Ogos. - Liga Remaja Bawah 16 Tahun Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) di antara pasukan Tabuan 'B' menentang pasukan Besa FC berakhir dengan keputusan 3 - 1 memihak pada Tabuan 'B'.

Pemain Tabuan 'B', Md. Danish Hidayatullah berjaya menjaringkan gol pertama mereka pada minit ke-24 dan gol kedua pada minit ke-30 oleh Maverick.

Selang 10 minit kemudian, Besa FC membalas jaringan gol hasil tendangan Muhd. Alif Mustaqeem. Pada separuh masa kedua, Md. Danish Hidayatullah sekali lagi menjaringkan gol ketiga Tabuan 'B' pada minit ke-57.

Keputusan kekal 3 - 1 hingga ke wisel penamat. Liga hari ini turut menyaksikan beberapa perlawanan lain yang diadakan di Padang 'A'

dan Padang 'B', Kompleks Sukan Menglait dan Kompleks Sukan Sungai Kebun, di mana pasukan BTC Red Star bertemu pasukan Hawa FT, kemenangan berpihak pada Hawa FT - 3 dan BTC Red Star - 1.

Di tempat lain, pasukan Bang Dalam FC bertemu pasukan Tabuan 'C' dan berakhir dengan keputusan 0 - 0.

Manakala Pasukan Projek Ikan Pusu (PIP) bertemu Rimba Star FC juga berakhir dengan keputusan 0 - 0.

Pasukan Tabuan 'A' berpesta gol apabila berjaya menewaskan pasukan Parma Junior FC dengan jaringan penuh 7 - 0.

Kejohanan Liga Remaja Bawah 16 Tahun NFABD anjuran NFABD dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan disokong oleh Badan Induk Bola Sepak Dunia (FIFA).



PASUKAN Bola Sepak U-18 Negara Brunei Darussalam semasa sesi bergambar ramai sebelum bertolak meninggalkan negara.

# Pasukan Bola Sepak 18 Tahun jalani latihan di Jepun

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 20 Ogos. - Pasukan Bola Sepak Bawah 18 Tahun Brunei Darussalam bertolak meninggalkan negara bagi mengikuti sesi latihan selama 11 hari yang akan diadakan di Osaka, Jepun.

Seramai 23 pemain dan lima pegawai diketuai oleh Pengurus pasukan, Awang Zulkifle bin Haji Duraman menyertai pasukan tersebut dan mereka berlepas hari ini.

Hadir mengucapkan selamat belayar dan memberikan

kata-kata nasihat serta semangat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) ialah Pemangku Timbalan Presiden, Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Awang Haji Madli bin Haji Mohd Yusof.

Dalam pada itu, pasukan bola sepak negara bakal menyertai Kejohanan AFF pada bulan September nanti yang akan berlangsung di Myanmar bermula 2 hingga 14 September nanti.